

**MESYUARAT KEDUA (BELANJAWAN 2022)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KEEMPAT BELAS  
PADA HARI KHAMIS, 25 NOVEMBER 2021, JAM 9.30 PAGI**

**SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT**

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERTHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
3. **SOALAN LISAN**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)  
SOALAN 1 (A95)**

Apakah impak pemasangan CCTV di Yong Peng dan sejak pemasangannya sehingga kini, berapakah kes jenayah atau kemalangan yang telah merujuk kepada CCTV tersebut?

**YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI (PALOH)  
SOALAN 2 (A87)**

Seperti pengumuman EXCO Kerja Raya, projek jalan baharu Paloh-Bekok akan menelan belanja sekitar RM199 juta. Mohon nyatakan perincian kos-kos yang bakal terlibat dan jangkaan fasa kerja pembinaan ini sehingga ia sempurna dilaksanakan.

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)  
SOALAN 3 (A139)**

Apakah langkah-langkah untuk terus membantu sekolah agama, tadika agama dan madrasah tahfiz dari segi aspek pengurusan serta aspek pembangunan sama ada di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri mahu pun swasta?

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)  
SOALAN 4 (A44)**

Golongan kanak-kanak istimewa adalah sebahagian daripada mereka yang tergolong dalam kumpulan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang mana mereka juga memerlukan perhatian dan sokongan daripada masyarakat. Apakah perancangan kerajaan negeri bagi membantu golongan ini agar nasib mereka terbela/terjaga?

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**

**SOALAN 5 (A102)**

Minta dinyatakan usaha dan langkah kerajaan negeri bagi menggalakan belia menjalankan aktiviti dan perusahaan industri asas tani selepas tempoh pandemik.

**YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)**

**SOALAN 6 (A76)**

Berapakah jumlah peluang pekerjaan diwujudkan selepas pandemik wabak Covid-19 ini yang telah memasuki fasa endemik?

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)**

**SOALAN 7 (A140)**

Minta nyatakan perkembangan terkini tentang peluang pekerjaan yang telah berjaya ditawarkan mengikut sektor-sektor bagi tahun 2021 di negeri Johor.

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)**

**SOALAN 8 (A142)**

Antara masalah capaian talian telefon dan internet di kawasan kampung ialah faktor komersial syarikat perkhidmatan telekomunikasi. Bagaimana Kerajaan Negeri boleh membantu agar penduduk kampung dapat menikmati kemudahan asas tersebut?

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)**

**SOALAN 9 (A99)**

Adakah terdapat kes judi online di Yong Peng dan Ayer Hitam, jika ada apakah langkah kerajaan membendung masalah ini?

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**

**SOALAN 10 (A37)**

Apakah status terkini Master Plan Kajian Dalam Inventori dalam Kawasan Bandar Maharani yang dilaksanakan oleh perunding UTHM untuk menangani masalah banjir dalam Bandar Daerah Muar?

**YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)**

**SOALAN 11 (A110)**

Berapakah peratusan pencapaian KDNK negeri Johor dalam industri pertanian, perikanan dan ternakan?

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**

**SOALAN 12 (A41)**

Apakah status terkini pelaksanaan e-PBT termasuk eKhidmat bagi setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri Johor?

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**  
**SOALAN 13 (A106)**

Minta dinyatakan usaha dan strategi pihak kerajaan dalam menjalin kerjasama dan manfaat atas pihak syarikat telekomunikasi dan kerajaan negeri dalam membangunkan sektor pendidikan dan sektor ekonomi.

**4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2022) TAHUN 2021**

-----  
-----  
----- (Penggulungan YB Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa) -----  
-----  
-----

**Persidangan ditangguhkan sehingga hari Ahad, 28 November 2021, jam 9:30 pagi.**